



MAJLIS DAERAH MARANG

IKLAN JAWATAN KOSONG TERBUKA

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat Negeri Terengganu Darul Iman yang berkelayakan dan memenuhi syarat serta berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh iklan ditutup untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :-

| BIL. | JAWATAN | KLASIFIKASI / KUMPULAN PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI |
|------|---|---|-------------------------------------|
| 1. | Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 (Tetap) (1 Kekosongan) | Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan / Kumpulan Pelaksana | N29 RM 1,493.00 - RM 5,672.00 |
| 2. | Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19 (Tetap) (1 Kekosongan) | Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan / Kumpulan Pelaksana | N19 RM 1,352.00 - RM 4,003.00 |
| 3. | Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) Gred N19 (Kontrak/Tetap) (5 Kekosongan) | Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan / Kumpulan Pelaksana | N19 RM 1,352.00 - RM 4,003.00 |
| 4. | Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19 (Kontrak) (3 Kekosongan) | Perkhidmatan Keselamatan dan Pertahanan Awam / Kumpulan Pelaksana | N19 RM 1,360.00 - RM 4,052.00 |

Jadual Gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Imbuhan Tetap Perumahan dan Elaun-Elaun lain.



MAJLIS DAERAH MARANG

1. (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
- SYARAT LANTIKAN** :
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut ;-
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00); **atau**
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00); **atau**
 - (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,770.95); **serta**
 - (d) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vakasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang memiliki kelayakan Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam/bidang Pengurusan Harta Benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi pengajian Tinggi Tempatan)



MAJLIS DAERAH MARANG

2. (a) Jawatan : **PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N19**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut ;-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 :
RM1,352.00); **atau**

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 :
RM1,408.40); **atau**

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 :
RM1,464.80); **dan**

- (d) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vakasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang memiliki kelayakan dalam bidang Sains Kesetiausahaan / bidang Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada Institusi pengajian Tinggi Tempatan)



MAJLIS DAERAH MARANG

3. (a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
GRED N19**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN
SOKONGAN**
- SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut ;-
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 :
RM1,352.00); **atau**
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 :
RM1,408.40); **atau**
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 :
RM1,464.80); **dan**
 - (d) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vakasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan mempunyai sijil berkaitan Microsoft office)



MAJLIS DAERAH MARANG

4. (a) **Jawatan** : **PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP19**
- (b) **Kumpulan Perkhidmatan** : **PELAKSANA**
- (c) **Klasifikasi Perkhidmatan** : **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
- SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut ;-
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 :
RM1,360.00); **atau**
 - (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 :
RM1,360.00); **atau**
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 :
RM1,416.40); **atau**
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 :
RM1,472.80); **dan**

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.; **serta**
- (e) calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vakasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON

- i) Setiap permohonan hendaklah menggunakan **Borang MDM.TR.1** dengan Harga RM2.00 yang boleh didapati di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Majlis Daerah Marang.
- ii) Permohonan hendaklah dihantarkan kepada :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH MARANG
21600 MARANG, TERENGGANU.**

(U.P : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)

(Sila tuliskan jawatan yang dipohon disebelah kanan dan tarikh tutup permohonan disebelah kiri sampul surat)

- iii) Tarikh Tutup Permohonan : **22 DISEMBER 2016**
- iv) Sertakan Salinan :
 - a) Gambar warna berukuran 'pasport';
(letakkan pada penjuru kanan Borang Permohonan)
 - b) Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan yang disahkan; dan
 - c) Salinan sijil-sijil yang berkaitan yang disahkan.

(Pengesahan hanya boleh dibuat oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Wakil Rakyat, Pengetua, Guru Besar dan Penghulu)

CATATAN

1. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.
2. Pegawai yang ***sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan*** hendaklah memajukan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan **Kenyataan Perkhidmatan** yang dikemaskini dan **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan** untuk tiga tahun berturut.
3. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
4. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.